



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1989**

---

PERMOHONAN MENAMAKAN PENGERUSI/AHLI LEMBAGA  
TATATERTIB MENGIKUT PERATURAN 2, PERATURAN-PERATURAN  
LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM 1972

**1. Tujuan**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan berkenaan tatacara untuk menamakan mana-mana pegawai bagi menggantikan mana-mana Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib di mana-mana mesyuaratnya di bawah Peraturan 2, [Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972](#).

**2. Latarbelakang**

2.1 Di bawah Peraturan 2, [Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972](#), Ketua Setiausaha Negara boleh, atas sebab-sebab yang akan direkodkan olehnya secara bertulis, menamakan mana-mana pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pangkat pegawai yang kena tuduh untuk menggantikan mana-mana Ahli Lembaga di mana-mana mesyuaratnya.

2.2 Terdapat dua keadaan di mana permohonan boleh dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara untuk tujuan tersebut:

2.2.1 Apabila ketiadaan Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib atas sebab-sebab berikut:

- (i) Apabila wujudnya kekosongan sesuatu jawatan yang sepatutnya menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan. Kekosongan jawatan itu lazimnya berlaku apabila pegawai yang menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib ditukarkan ke tempat lain dan pengisian jawatan berkenaan mengambil masa yang panjang atau atas sebab-sebab selain daripada pertukaran pegawai; atau
- (ii) Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan menghadiri kursus untuk tempoh masa tertentu atau bercuti panjang atau sebab-sebab lain yang tidak mengakibatkan kekosongan jawatan.

Ini bermakna pegawai yang menanggung kerja jawatan tersebut di samping menjalankan tugas-tugasnya sendiri tidak boleh menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan oleh kerana kekosongan jawatan masih belum diisi dan dengan itu kelulusan Ketua Setiausaha Negara di bawah peraturan ini perlu diperolehi. Bagi keadaan di mana pegawai memangku jawatan tersebut, pegawai bolehlah menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan tanpa membuat permohonan ini kerana dengan pemangkuan tersebut bererti jawatan berkenaan telah diisi.

2.2.2 Apabila Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan menarik diri dari sesuatu kes tertentu kerana dikhuatiri akan berlaku tidak adil dan tidak wajar. Keadaan ini berlaku apabila kes yang dipertimbangkan melibatkan secara langsung Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan dengan pegawai yang dituduh atau Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib mempunyai kepentingan tertentu dalam perkara/kes yang dipertimbangkan.

### **3. Tatacara permohonan**

3.1 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini, apabila berlaku salah satu daripada dua keadaan di atas, permohonan mestilah dibuat kepada Ketua Setiausaha Negara untuk menamakan pengganti mana-mana Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib yang berkenaan. Permohonan ini hendaklah dikemukakan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menyertakan borang perakuan untuk ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara. Contoh borang tersebut adalah seperti di [Lampiran](#)

"A". Permohonan yang dibuat hendaklah memberikan sebab-sebab yang jelas mengapa ianya perlu dibuat dan memberikan maklumat-maklumat yang lengkap berkenaan pegawai-pegawai yang terlibat.

#### 4. Tarikh kuatkuasa

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK ZAHARI BIN ABD. RASHID),

*Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*Malaysia*

*Tarikh: 3 Februari 1989.*

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

**Penamaan** \*Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib Mengikut Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972

Mengikut kuasa yang diberi kepada saya di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972, saya dengan ini menamakan:

(i) Nama Pegawai:

(ii) Jawatan:

(iii) Kumpulan:

(iv) Tingkatan hakiki:

untuk menjadi pengganti \*Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib

\*Kementerian/Jabatan.....

.....  
.....

Kumpulan.....bagi \*tempoh (nyatakan tempoh).....

dari.....hingga...../kes.....ata

s alasan berikut:

Ketiadaan \*Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib atas sebab-sebab berikut:

(i)

(a Wujudnya kekosongan sesuatu jawatan yang sepatutnya menjadi \*Pengerusi/Ahli

) Lembaga Tatatertib berkenaan kerana \*pertukaran pegawai/sebab-sebab lain

(nyatakan



sebab.....

..

.....

.....)

(b \*Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkeenaan \*bercuti panjang/menghadiri kursus  
) untuk tempoh

masa tertentu/sebab-sebab lain (nyatakan

sebab.....

.....

.....)

(ii \*Pengerusi/Ahli Lembaga Tatatertib berkeenaan menarik diri dari sesuatu kes tertentu  
) kerana dikhuatiri akan berlaku tidak adil dan tidak wajar.

.....

( )

*Ketua Setiausaha Negara*

*Tarikh:*

\*Potong yang mana tidak berkeenaan.